

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Mualim Journal of
Social Science and Humanities

TAHAP PENGUASAAN MURID DAN GURU DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (Pdpc) DALAM PUSSI KLASIK BAHASA CINA SEKOLAH MENENGAH

THE MASTERY LEVEL OF STUDENTS AND TEACHERS IN LEARNING AND TEACHING IN CLASSICAL CHINESE POETRY FOR SECONDARY SCHOOL

Teoh Wei Hao *¹, Ma Min ²

¹ Faculty of Communication and Language, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: jayson_teoh@hotmail.com

² Faculty of Foreign Languages, Polytechnic Institute Taiyuan University of Technology, China.

Email: minma3639@gmail.com

*Corensponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/86>

Abstract

In 2017, the Ministry Education of Malaysia has replaced the *Kurikulum Standard Sekolah Menengah* (KSSM) with new syllabus, namely *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah* (KBSM). The objective is to cultivate interest of student in lifelong learning. To realize this goal, teachers need to foster reading interest among students. However, there is still a lack of student involvement in the teaching process and creates a boring and uninteresting teaching atmosphere. Therefore, this study aimed at identifying the mastery level of students and teachers in learning and teaching (Pdpc) classical Chinese poetry. This study is a part of a qualitative research that was conducted with five students and five teachers from secondary schools in Selangor. The findings of this study showed that the level of mastery of teachers and students in learning and teaching (Pdpc) in classical Chinese poetry is not satisfactory. Hence, the Ministry of Education Malaysia should provide workshops or courses that related to the exposition of a variety of pedagogy on classical Chinese poetry. In conclusion, teachers have the responsibility to improve the level of knowledge and teaching techniques of classical Chinese poetry so that learning and teaching (Pdpc) can be implemented effectively.

Keywords: Classical Chinese Poetry, Level of Mastery, Teachers, Students

Abstrak

Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggantikan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ke Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Antara matlamat KSSM adalah memupuk minat murid-murid untuk pembelajaran sepanjang hayat. Untuk merealisasikan matlamat ini, para pendidik perlu memupuk minat membaca dalam kalangan murid-murid. Namun begitu, masih kurangnya penglibatan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan mewujudkan suasana pengajaran yang membosankan dan tidak menarik. Oleh itu, kajian ini ingin mengenal pasti tahap penguasaan murid dan guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) dalam puisi klasik bahasa Cina. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menjalankan temuduga antara guru dan murid. Kajian ini melibatkan 5 orang pelajar dan 5 orang guru yang berasal dari sekolah menengah di negeri Selangor. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan guru dan murid dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) dalam puisi klasik adalah kurang memuaskan. Kementerian Pendidikan Malaysia harus menyediakan bengkel atau kursus yang berkaitan dengan pendedahan kepada pelbagai pedagogi tentang puisi klasik. Sebagai kesimpulannya, guru mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan teknik pengajaran terhadap puisi klasik agar pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Kata Kunci: Puisi Klasik, Tahap Penguasaan, Guru, Murid

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 1th February 2020, revised 27th February 2020, accepted 20th March 2020

Pengenalan

Kebanyakan guru Bahasa Cina menghadapi kekangan semasa mengajar Puisi Klasik bahasa Cina. Dengan ini, guru-guru Bahasa Cina memerlukan pelbagai pendekatan bagi menarik minat pelajar dalam pembelajaran Puisi Klasik. Terdapat pelbagai Puisi Klasik yang dikandungkan dalam buku teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Hal ini bermakna pembelajaran Puisi Klasik mempunyai peranan yang amat penting dalam sukanan pelajaran KSSM (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017)¹.

Selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, pengajaran guru yang banyak menekankan penghayatan nilai-nilai murni dalam Puisi Klasik dapat dicapai.

Guru yang memiliki tahap pengetahuan yang tinggi dalam pengajaran Puisi Klasik dapat merealisasikan hasrat FPN ini dengan sebaik mungkin untuk memberikan kesan yang positif ke

atas penguasaan dan pencapaian murid dalam Puisi Klasik. Selain itu, sikap guru yang positif juga amat penting dalam pengajaran Puisi Klasik. Sekiranya tahap pengetahuan guru adalah tinggi dan pedagogi yang digunakan adalah pelbagai, maka sikap pelajar dalam mempelajari Puisi Klasik akan menjurus ke arah positif. Apabila sikap pelajar menjurus ke arah positif, maka proses PdPc yang berkesan akan dihasilkan.

Penyataan Masalah

Penyata masalah mengisahkan kepada tahap penguasaan puisi klasik bagi murid dan guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc).

Pengkaji mendapatkan bahawa murid-murid pada zaman moden ini kurang berminat untuk belajar Puisi Klasik. Mereka beranggapan bahawa tiada kegunaan untuk belajar Puisi Klasik. Mengikut kajian Pan Yan (潘燕 *Pan Yan*, 2014)², terdapat banyak ilmu pengetahuan dan nilai murni dalam puisi-puisi yang dapat diterapkan kepada murid dan mereka boleh mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan mereka. Malangnya, keadaan sebenar ialah penguasaan guru dan murid dalam Puisi Klasik Bahasa Cina adalah lemah dan menyebabkan guru berasa gelisah semasa mengajar dan murid takut untuk menyentuh Puisi Klasik.

Namun demikian, pengkaji mendapatkan bahawa tidak banyak kajian tentang Puisi Klasik Bahasa Cina dijalankan dalam Malaysia. Menurut kajian Wang Yang, (王阳 *Wang Yang*, 2017)³, beliau menyatakan bahawa banyak ilmu dalam bidang tatacara menyelasaikan hubungan interpersonal sesama manusia dalam Puisi Klasik. Jika kita tidak mempelajari Puisi Klasik, kita tidak akan menguasai cara pemikiran penyajak yang beroptimis ketika menghadapi rintangan dalam kehidupan. Selain itu, nilai-nilai estetik yang terkandung dalam Puisi Klasik juga tidak dapat dikuasai jika tidak mempelajari Puisi Klasik.

Memandangkan pembelajaran Puisi Klasik adalah sangat penting, kajian ini cuba mengkaji hubungan antara tahap penguasaan murid dan guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) bagi Puisi Klasik Bahasa Cina dengan kesesuaian Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dalam pemilihan Puisi Klasik. Kaedah kuasi eksperimental akan digunakan. Sampel yang dipilih ialah pelajar Tingkatan 4 dan 5 dalam sebuah sekolah di Negeri Pulau Pinang. Data dianalisis secara deskriptif dan inferen.

Kepentingan dan Batasan Kajian

Kajian ini akan memberikan satu gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh bagi meningkatkan tahap penguasaan murid-murid dalam pembelajaran Puisi Klasik. Hasil kajian akan menjadikan

satu penanda aras kepada guru-guru khasnya yang mengajar mata pelajaran Bahasa Cina, sekolah, institusi pengajian pendidikan guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hasil kajian dapat membantu dalam perancangan dan perlaksanaan kurikulum di peringkat Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk proses semakan buku teks di mana pengubah kurikulum dapat mengenalpasti dan membentuk struktur kurikulum yang tepat dan relevan kepada guru dan murid di sekolah.

Secara amnya, kajian ini penting kerana dapat membantu guru-guru menambahbaikkan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) bagi Puisi Tradisional, seterusnya murid yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina dapat menguasai Puisi Klasik secara mendalam. Kajian ini juga akan memberikan cadangan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) berkenaan dengan hasil karya Prosa Klasik yang berpotensi untuk dikandungkan dalam buku teks Bahasa Cina KSSM dalam proses semakan buku teks nanti.

Kajian yang dijalankan ini adalah terbatas kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Cina di sekolah menengah daerah Klang, Selangor. Sampel kajian yang digunakan hanyalah terhad kepada 5 orang guru dan 5 orang pelajar sahaja dengan menggunakan kaedah temu bual. Sampel dipilih berdasarkan kepada nisbah bilangan guru dan murid dari setiap jenis sekolah menengah yang dijadikan sampel kajian. Dalam kajian ini, hanya tahap penguasaan, sikap guru dan murid terhadap pengajaran Puisi Klasik dalam pengajaran Bahasa Cina sahaja yang dijalankan temu duga. Dapatan kajian yang diperoleh hanya ditranskrip dalam bentuk fail *Microsoft Word* dan salinannya akan dihantar semula kepada pihak yang ditemuduga untuk semakan semula. Proses temu bual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan gambaran tentang tahap penguasaan, sikap guru dan murid bagi daerah Klang terhadap pengajaran dan pembelajaran Puisi Klasik.

Latar Belakang / Sorotan Literatur

Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggantikan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ke Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dengan pelaksanaan Sukatan Pelajaran baharu ini, pengajaran dan pembelajaran telah difokuskan dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Antara matlamat KSSM adalah memupuk minat murid-murid untuk pembelajaran sepanjang hayat. Untuk merealisasikan matlamat ini, para pendidik perlu memupuk minat membaca dalam kalangan murid-murid.

Dalam buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 1, 2 dan 3, terdapat sekurang-kurangnya 10 buah puisi klasik yang telah dimuatkan ke dalam buku teks. Hal ini bermakna pembelajaran Puisi Klasik mempunyai peranan yang penting dalam sukatan pelajaran KSSM. Mengikut kajian Wu Li Li ([吳丽丽](#) Wu Li Li, 2011)⁴, dalam proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc), para pendidik perlu membimbing murid menguasai cara menganalisis Puisi Klasik, menghargai nilai estetik dalam Puisi Klasik dan menghargai semangat kebudayaan

menerusi pembelajaran Puisi Klasik. Oleh itu, para guru perlu menguasai pedagogi yang berkesan dalam proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) supaya murid dapat menguasai Puisi Klasik lebih mendalam.

Menurut pakar Kesusasteraan Cina Ye Jia Ying (叶嘉莹 *Ye Jia Ying*, 2012)⁵, dengan mempelajari Puisi Klasik, kita akan memahami cara pemikiran penyajak dan cara-cara penyajak mengaitkan hal-hal dalam kehidupan dengan alam sekitar, seterusnya kita dapat merasai satu gambaran yang mempunyai tenaga positif. Proses ini dianggap sebagai satu pembelajaran yang merangkumi ruang dan masa untuk membaca minda penyajak semasa mereka menulis puisi berkenaan.

Menurut kajian Zhuang Rong Feng (庄容凤 *Zhuang Rong Feng*, 2016)⁶, pembelajaran Puisi Klasik dapat menambah ilmu pengetahuan khasnya dalam bidang penguasaan bahasa klasik dan bidang kebudayaan. Beliau juga menyatakan bahawa pembelajaran Puisi Klasik dapat meningkatkan kemahiran bertulis bagi para murid. Hal ini demikian kerana semasa proses pembelajaran Puisi Klasik, murid perlu berfikir dari banyak aspek, memahami perasaan dan keadaan penyajak ketika menulis puisi berkenaan, menganalisis sebab-sebab penyajak menggunakan perkataan tertentu untuk meluahkan perasaannya dalam Puisi Klasik. Selain itu, murid juga dapat menguasai ilmu bidang sejarah ketika mengkaji sesebuah Puisi Klasik. Murid dapat membuat bayangan dengan menggunakan ilmu dan pengalaman yang sedia ada ketika mengkaji Puisi Klasik. Hal ini demikian kerana banyak Puisi Klasik mempunyai konsep (诗中有画, 画中有诗, *Shi Zhong You Hua, Hua Zhong You Shi*), iaitu sesebuah Puisi Klasik akan memberi satu gambaran terhadap pembaca, pembaca menerusi suatu gambaran juga akan memahami kandungan Puisi Klasik tersebut. Dengan cara pembelajaran ini, murid dapat menguasai tema dan persoalan Puisi Klasik tersebut secara mendalam.

Pengajaran guru yang berkesan akan menunjukkan hubungan yang positif dan meningkatkan minat pembelajaran murid untuk mendalami ilmu yang diajar oleh guru (Kalaiselvi Shanmugan, 2020)⁷. Kajian ini merupakan satu usaha penilaian tentang menganalisis hubungan antara tahap penguasaan murid dan guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) bagi Puisi Klasik dengan kesesuaian Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dalam pemilihan Puisi Klasik.

Metodologi

Kajian ini akan menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif untuk mengumpul data. Pemilihan pendekatan penyelidikan kualitatif sebagai metodologi kajian ini kerana pendekatan ini mampu memberikan hasil kajian yang lebih menyeluruh dan kukuh untuk menerokai tahap penguasaan murid dan guru terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) bagi Puisi Klasik.

Reka Bentuk Kajian

Temu bual merupakan kaedah kutipan data kualitatif yang digunakan untuk mendapatkan maklumat kajian secara mendalam dan tidak dapat diperhatikan melalui perlakuan. Menurut Chow Fook Meng dan Jaizah Mahmud (2011)⁸, temu bual adalah suatu teknik yang berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk pemikiran, sikap, nilai dan pendapatnya. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan temu bual berstruktur. Temu bual berstruktur adalah aktiviti perbualan dan soal jawab yang dijalankan secara bersemuka di mana bentuk dan kandungan yang akan ditanya adalah terhad kepada tajuk sahaja.

Dalam temu bual berstruktur, soalan juga dirancang dan digubal secara berstruktur sebelum sesi temu bual dijalankan. Temu bual berstruktur dijalankan terhadap responden bagi menguji untuk mengetahui tentang tahap penguasaan murid dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) bagi Puisi Klasik.

Temu bual dengan informan akan dicatat dan membentuk transkrip temu bual. Pengekodan semua transkrip temu bual yang diperoleh semasa sesi temu bual dijalankan. Proses pengekodan akan menentukan pola atau tema topik yang menjadikan hasil untuk menjawab persoalan kajian.

Sampel Kajian

Jumlah informan dalam kajian kualitatif tidak boleh terlalu besar atau terlalu sedikit dan dicadangkan jumlah yang berpatutan sahaja. Namun, tiada penetapan jumlah responden yang “berpatutan” dalam kajian kualitatif yang menggunakan metode temu bual. (Bailey, 2007)⁹.

Kajian ini menggunakan seramai 5 orang guru dan 5 orang pelajar di sekolah menengah daerah Klang, Selangor. Hasil temu bual informan kajian menunjukkan data-data temu bual menghasilkan kod-kod baru yang bererti terdapatnya maklumat-maklumat baru berbanding temu bual sebelum pada informan ke-3 dan ke-4. Manakala data-data hanya melibatkan kod-kod sama yang bererti hanya maklumat-maklumat berulang pada informan ke-5 yang menunjukkan bahawa hasil temu bual telah mencapai tahap penepuan. Hanya maklumat-maklumat sama yang dikemukakan oleh informan dalam temu bual dijalankan dan ini menunjukkan bahawa jumlah informan temu bual telah mencukupi untuk kajian ini.

Dapatan Kajian

Bahagian ini memberi fokus kepada huraian yang dibuat mengenai dapat kajian. Data diperoleh melalui temu bual. Seramai 5 orang guru dan 5 orang pelajar di sekolah menengah daerah Klang, Selangor. Data-data yang diperoleh dianalisis secara manual.

Murid 1

- Pengkaji : Mengapakah kamu tidak berminat mempelajari Puisi Klasik?
 Murid 1 : Saya berasa Puisi Klasik ketinggalan zaman.
 Pengkaji : Mengapakah anda beranggap sedemikian?
 Murid 1 : Apa yang saya pelajari dalam Puisi Klasik tiada kegunaan dalam kehidupan.
 Pengkaji : Apakah perasaan kamu semasa guru mengajar Puisi Klasik di dalam kelas?
 Murid 1 : Saya rasa amat bosan kerana saya tidak faham apa yang disampaikan dalam Puisi Klasik.

Responden di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan Puisi Klasik adalah rendah kerana tidak faham kandungan Puisi Klasik berkenaan walaupun diajar oleh guru.

Murid 2

- Pengkaji : Mengapakah kamu tidak berminat mempelajari Puisi Klasik?
 Murid 2 : Saya berasa Puisi Klasik agak susah untuk dikuasai.
 Pengkaji : Mengapakah anda beranggap sedemikian?
 Murid 2 : Pemikiran Puisi Klasik tidak senang difahami dalam kehidupan zaman kini.
 Pengkaji : Apakah perasaan kamu semasa guru mengajar Puisi Klasik di dalam kelas?
 Murid 2 : Saya rasa amat tertekan kerana saya tidak dapat menguasai kandungan Puisi Klasik yang disampaikan oleh guru dengan menyeluruh.

Responden di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan Puisi Klasik adalah rendah kerana sukar menguasai kandungan Puisi Klasik yang diajar oleh guru.

Murid 3

- Pengkaji : Mengapakah kamu tidak berminat mempelajari Puisi Klasik?
 Murid 3 : Saya susah untuk memahami kandungan Puisi Klasik.
 Pengkaji : Mengapakah anda beranggap sedemikian?
 Murid 3 : Ini kerana Puisi Klasik jarang digunakan dalam kehidupan harian.
 Pengkaji : Apakah perasaan kamu semasa guru mengajar Puisi Klasik di dalam kelas?
 Murid 3 : Saya cuba untuk memahami apa yang disampaikan dalam oleh guru tetapi kebanyakannya saya tidak faham.

Responden di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan Puisi Klasik adalah rendah kerana tidak dapat menguasai kandungan Puisi Klasik berkenaan walaupun diajar oleh guru.

Murid 4

- Pengkaji : Mengapakah kamu tidak berminat mempelajari Puisi Klasik?
 Murid 4 : Saya berasa Puisi Klasik tidak relevan dengan zaman moden ini.
 Pengkaji : Mengapakah anda beranggap sedemikian?

- Murid 4 : Apa yang saya pelajari dalam Puisi Klasik tiada relevan dengan kehidupan.
 Pengkaji : Apakah perasaan kamu semasa guru mengajar Puisi Klasik di dalam kelas?
 Murid 4 : Saya biasanya berangan-angan semasa guru mengajar Puisi Klasik.

Responden di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan Puisi Klasik adalah rendah kerana tiada minat untuk menguasai kandungan Puisi Klasik berkenaan walaupun diajar oleh guru.

Murid 5

- Pengkaji : Mengapakah kamu tidak berminat mempelajari Puisi Klasik?
 Murid 5 : Saya berasa tiada kegunaan untuk belajar Puisi Klasik.
 Pengkaji : Mengapakah anda beranggap sedemikian?
 Murid 5 : Apa yang saya pelajari dalam Puisi Klasik tidak relevan dengan kehidupan harian saya.
 Pengkaji : Apakah perasaan kamu semasa guru mengajar Puisi Klasik di dalam kelas?
 Murid 5 : Saya rasa amat bosan kerana saya tidak berminat dalam mempelajari Puisi Klasik.

Responden di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan Puisi Klasik adalah rendah kerana tiada minat untuk mempelajari Puisi Klasik berkenaan walaupun diajar oleh guru.

Guru 1

- Pengkaji : Apakah pedagogi yang guru gunakan untuk mengajar Puisi Klasik?
 Guru 1 : Saya akan menerangkan latar belakang penyajak, tema dan persoalan Puisi Klasik serta menjelaskan maksud dalam Puisi Klasik.
 Pengkaji : Mengapakah anda menggunakan pedagogi sedemikian?
 Guru 1 : Pedagogi ini adalah cara yang mudah untuk pelajar memahami Puisi Klasik.
 Pengkaji : Apakah perasaan guru semasa mengajar Puisi Klasik di dalam kelas?
 Guru 1 : Saya rasa amat mencabar kerana murid tidak dapat menguasai apa yang disampaikan dalam Puisi Klasik dengan sempurna.

Responden di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan Puisi Klasik adalah rendah kerana tidak dapat menyampaikan kandungan Puisi Klasik berkenaan dengan sempurna.

Guru 2

- Pengkaji : Apakah pedagogi yang guru gunakan untuk mengajar Puisi Klasik?
 Guru 2 : Saya akan menerang maksud setiap perkataan dalam Puisi Klasik.
 Pengkaji : Mengapakah anda menggunakan pedagogi sedemikian?
 Guru 2 : Pedagogi ini cara yang paling senang untuk pelajar memahami Puisi

Klasik.

Pengkaji

: Apakah perasaan guru semasa mengajar Puisi Klasik di dalam kelas?

Guru 2

: Saya rasa agak kecawa kerana murid tidak dapat memberikan sepenuh perhatian ketika saya menerangkan maksud Puisi Klasik.

Responden di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan Puisi Klasik adalah rendah kerana tidak dapat menarik perhatian pelajar untuk mempelajari kandungan Puisi Klasik.

Guru 3

Pengkaji

: Apakah pedagogi yang guru gunakan untuk mengajar Puisi Klasik?

Guru 3

: Saya akan menjelaskan maksud setiap perkataan dalam Puisi Klasik dengan menghubungkaitkan latar belakang penyajak.

Pengkaji

: Mengapakah anda menggunakan pedagogi sedemikian?

Guru 3

: Ini kerana untuk memahmi kandungan Puisi klasik, pelajar perlu memahami latar belakang penyajak.

Pengkaji

: Apakah perasaan guru semasa mengajar Puisi Klasik di dalam kelas?

Guru 3

: Agak menghamparkan diri saya. Pelajar menunjukkan gerak-geri yang menujukkan kebosanan mereka apabila saya menerangkan maksud Puisi Klasik.

Responden di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan Puisi Klasik adalah rendah kerana penerangan guru tidak dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari kandungan Puisi Klasik.

Guru 4

Pengkaji

: Apakah pedagogi yang guru gunakan untuk mengajar Puisi Klasik?

Guru 4

: Saya akan menjelaskan latar belakang penyajak dan maksud setiap perkataan dalam Puisi Klasik.

Pengkaji

: Mengapakah anda menggunakan pedagogi sedemikian?

Guru 4

: Pedagogi ini merupakan cara yang akan membantu untuk pelajar memahami Puisi Klasik.

Pengkaji

: Apakah perasaan guru semasa mengajar Puisi Klasik di dalam kelas?

Guru 4

: Kebanyakan murid tidak dapat menunjukkan kefahaman mereka ketika saya menanya soalan setelah penerangan maksud Puisi Klasik. Kepuasan dalam pengajaran saya tidak tercapai.

Responden di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan Puisi Klasik adalah rendah kerana pelajar tidak menguasai kandungan Puisi Klasik walaupun penerangan guru telah dijalankan.

Guru 5

Pengkaji

: Apakah pedagogi yang guru gunakan untuk mengajar Puisi Klasik?

- Guru 5 : Saya akan menyuruh pelajar menjelaskan perkataan yang terkandung dalam Puisi Klasik, kemudian saya akan buat penerangan selanjutnya.
- Pengkaji : Mengapakah anda menggunakan pedagogi sedemikian?
- Guru 5 : Pedagogi ini cara yang dapat menguji kefahaman pelajar dalam Puisi Klasik berkenaan.
- Pengkaji : Apakah perasaan guru semasa mengajar Puisi Klasik di dalam kelas?
- Guru 5 : Saya rasa agak kecewa kerana murid masih tidak dapat menjelaskan maksud Puisi Klasik dengan jelas setelah penerangan saya.

Responden di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan Puisi Klasik adalah rendah kerana selepas penjelasan lajutan guru, murid masih tidak dapat menguasai kandungan Puisi Klasik.

Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru dan murid di sekolah daerah Klang, Selangor tidak lagi menguasai Puisi Klasik pada tahap yang memuaskan. Proses pengajaran dan pembelajaran tidak mencapai objektif yang ditetapkan disebabkan tahap penguasaan guru terhadap Puisi Klasik yang rendah. Guru-guru tidak dapat menarik perhatian murid serta membolehkan murid menguasai maklumat-maklumat yang disampaikan. Pedagogi yang digunakan dalam mengajar Puisi Klasik tidak mampu meningkatkan motivasi murid untuk mempelajari Puisi Klasik.

Demikian juga halnya dalam sikap murid yang menganggap bahawa Puisi Klasik tidak lagi relevan dengan zaman moden ini juga mempengaruhi tahap penguasaan Puisi Klasik. Mereka beranggapan bahawa tiada kegunaan untuk mempelajari Puisi Klasik kerana tidak dapat mengaplikasikan Puisi Klasik tersebut dalam kehidupan harian mereka.

Oleh itu, kelemahan pedagogi dalam pengajaran Puisi Klasik perlu digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi masalah ini. Kursus-kursus peningkatan pedagogi terhadap Puisi Klasik perlu dianjurkan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemahiran guru dalam mengajar Puisi Klasik. Hasrat dalam Model Pengetahuan Pedagogi Kandungan oleh Shulman (1987)¹⁰ yang menuntut pemilikan pengetahuan pada tahap yang tinggi dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah termasuklah pengetahuan kandungan pedagogi. Justeru, guru dapat menjalankan PdPc dalam puisi klasik Bahasa Cina dengan berkesan kerana mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam pengajaran puisi klasik Bahasa Cina.

Selain itu, apabila Bahagian Pembangunan Kurikulum membuat semakan buku teks nanti, mereka harus mempertimbangkan semula kandungan Puisi Klasik yang terkandung dalam buku teks. Mereka seharusnya memilih Puisi Klasik yang mempunyai tema yang berkaitan dengan kehidupan harian murid. Dengan cara ini, minat murid terhadap pembelajaran Puisi Klasik akan meningkat dan tiada lagi alasan tentang pembelajaran Puisi Klasik tidak relevan dengan kehidupan

mereka. Hal ini menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran lebih bermakna dan menyeronokkan.

Rujukan :

1. Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 1. Kementerian Pelajaran Malaysia.
2. Pan Yan. (2014). *Gu Wen Bu Gu, Wen Yan You Qu*. China: Bei Jing Long Yuan Qi Kan.
3. Wang Yang. (2017). *Sahabat Peminat Puisi Klasik*. China: Shang Hai Chu Ban She.
4. Wu Li Li. (2011). *Kajian Pedagogi Puisi Klasik Menengah Atas*. China: Nei Meng Gu Shin Fan Universiti.
5. Ye Jia Ying. (2012). *Kajian Pemikiran dan Pengaplikasian Puisi Klasik*. China: Hua Dong Shin Fan Universiti.
6. Zhuang Rong Feng. (2016). *Kajian Kepentingan Pengajaran Puisi Klasik*. China: Hua Zhong Shin Fan Universiti.
7. Kalaiselvi Shanmugan. (2020). *Perisian Microsoft Power Ponit Sebagai Peranti Persembahan semasa PdPc Sains di SJK(T) Luar Bandar di Negeri Perak*. Perak: Muallim Journal of Social Sciences and Humanities.
8. Chow Fook Meng dan Jaizah Mahmud. (2011). *Kajian Tindakan Konsep Dan Amalan Dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
9. Bailey, C. A. (2007). *A Guide to Qualitative Field Research 2nd Edition*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
10. Shulman, L.S. (1987). *Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform*. Harvard: Harvard Educational Review.